



[ JPIN:100-4/1 KLT.7 ( ) ]

**PEKELILING PENGARAH PERIKANAN SABAH BIL. 1 / 2023**

**KADAR BAYARAN TEMPAHAN SAJIAN BAGI PROGRAM JABATAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan menetapkan kadar bayaran tempahan sajian bagi pelaksanaan program-program di Jabatan Perikanan Sabah.

**LATAR BELAKANG**

2. Kadar bayaran tempahan sajian bagi program di Jabatan ini didapati tidak seragam mengikut Bahagian / Pejabat / Unit yang membuat tempahan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penggunaan peruntukan kewangan yang tidak efisien, tawaran harga yang tidak munasabah oleh pihak pembekal dan sekali gus menyebabkan pembaziran di pihak Jabatan.

3. Selain itu, perkara ini juga menyebabkan pegawai dan kakitangan Jabatan ini terdedah kepada risiko ketirisan dalam mengurus sumber Jabatan. Sehingga kini, tiada garis panduan yang jelas mengenai kadar bayaran tempahan bagi sajian di Jabatan ini. Berdasarkan kajian Jabatan ini, terdapat beberapa jabatan / agensi Kerajaan Negeri yang telah menetapkan kadar bayaran bagi tempahan sajian bagi program di jabatan masing-masing.

4. Oleh itu, amat perlu bagi Jabatan ini untuk menetapkan kadar yang munasabah serta seragam bagi memudahkan urusan tempahan sajian dalam melaksanakan program-program Jabatan. Langkah ini juga merupakan salah satu inisiatif kawalan dalaman (*internal control*) bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan di Jabatan ini.

#### KADAR BAYARAN TEMPAHAN SAJIAN

5. Selaras dengan keputusan **Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan Sabah Bilangan 1 Tahun 2023** yang telah bersidang pada **30 Januari 2023**, kadar bayaran tempahan sajian bagi program Jabatan telah ditetapkan secara seragam seperti yang berikut:

Jamuan ringan (RM / orang sehari)	Makan tengah hari (RM / orang sehari)	Makan malam (RM / orang sehari)	JUMLAH (RM / orang sehari)
15.00	30.00	25.00	70.00

\* Nota : **Jamuan ringan** bermaksud sarapan pagi atau minum petang (mana-mana yang berkaitan).

6. Kadar ini hendaklah terpakai kepada **semua program Jabatan** termasuklah mesyuarat, latihan, majlis di dalam dan di luar premis Kerajaan (yang tiada menyediakan pakej jamuan) dan apa-apa aktiviti yang melibatkan Jabatan Perikanan Sabah.

7. Namun begitu, penggunaan kadar di perenggan 5 di atas hanya boleh **dikecualikan** bagi situasi-situasi seperti yang berikut :

- a) Program yang dijalankan di premis yang **ada menyediakan pakej sajian** seperti hotel, pusat konvensyen, pusat latihan dan lain-lain; **dan / atau**
- b) Pakej sajian (jamuan dan peralatan jamuan) yang **disediakan oleh pembekal sendiri** bukan seperti yang terdapat di perenggan 6 di atas.

8. Semua tempahan sajian seperti di perenggan 6 dan 7 di atas hendaklah diurus dan dilaksanakan menggunakan tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa.

## **PENGECUALIAN**

9. Sebarang pengecualian bagi pemakaian kadar ini (kecuali perkara di perenggan 7 di atas), hendaklah mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada Pengarah Perikanan Sabah selaku Pegawai Pengawal.

## TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini hendaklah berkuat kuasa mulai **01 Februari 2023**.

## MAKLUMAT AM ATAU PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Cawangan Pentadbiran atau Cawangan Akaun, Bahagian Khidmat Pengurusan.

**\*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA\***

**\*KUALITI TERBAIK TONGGAK KECEMERLANGAN KAMI\***



[ AZHAR BIN KASSIM ]  
Pengarah Perikanan Sabah



Tarikh : **23 FEB 2023** .....

Untuk edaran : Semua Timbalan Pengarah Perikanan  
Semua Ketua Penolong Pengarah  
Semua Penolong Pengarah Kanan  
Semua Penolong Pengarah  
Semua Penguasa Perikanan Daerah  
Semua Ketua Cawangan  
Semua Ketua Unit  
Semua Ketua Stesen Perikanan